

## **Pengalaman Malaysia terhadap Pendekatan Kuasa dalam Proses Rundingan Protokol Montreal ke arah Pembangunan Mapan**

MUHAMMAD RIZAL RAZMAN<sup>1</sup>, ABDUL SAMAD HADI<sup>1</sup>,  
JAMALUDDIN MD JAHI<sup>2</sup> & ABDUL HADI HARMAN SHAH<sup>3</sup>

### **ABSTRAK**

*Malaysia telah diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa sebagai salah buah negara yang begitu komited dalam memulihara alam sekitar global terutama sekali berkaitan dengan pemuliharaan lapisan ozon global. Manakala, Protokol Montreal pula, pada masa yang sama dianggap sebagai salah satu undang-undang alam sekitar antarabangsa yang berjaya. Protokol Montreal telah berjaya mendapat kerjasama antarabangsa dengan melibatkan hampir semua negara di dunia dalam menangani masalah penipisan lapisan ozon global. Menurut beberapa orang sarjana, pendekatan kuasa mampu membentuk suatu hegemon yang mempengaruhi dan mengetuai kerjasama antarabangsa di antara negara-negara dalam proses rundingan penerimaan sesuatu undang-undang alam sekitar antarabangsa termasuklah Montreal Protocol. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan pengaruh pendekatan kuasa terhadap proses rundingan penerimaan Protokol Montreal dan kaitannya dengan respon penyertaan negara-negara anggota dengan merujuk pengalaman Malaysia. Manakala kaedah kajian ini melibatkan orientasi kualitatif. Oleh yang demikian, untuk tujuan tersebut teknik mendapatkan data dan maklumat melalui temubual wakil Malaysia yang menghadiri proses rundingan penerimaan Montreal Protocol. Berdasarkan kepada hasil kajian ini, telah begitu jelas menunjukkan bahawa terdapat beberapa perkaitan di antara kehendak negara berkuasa seperti Amerika Syarikat dan penerimaan Protokol Montreal sebagai undang-undang alam sekitar antarabangsa oleh masyarakat antarabangsa.*

*Katakunci: Pendekatan kuasa, proses rundingan, Montreal Protocol, undang-undang alam sekitar antarabangsa*

### **ABSTRACT**

*Malaysia has been recognised by the international community as one of dedicated countries in conservation of global environment, which include issues on depleting global ozone layer. Meanwhile, Montreal Protocol is one of the successful international environmental law. Montreal Protocol managed to seek international environmental cooperation among almost all of the states in the world. All of these states have already agreed to ratify the Montreal Protocol. The Montreal Protocol has been enacted for the protection of the ozone layer by taking precautionary measures to control world emissions of substances that deplete the ozone layer. Some of the international environmental law scholars suggested that power approach might influence in the negotiations of creating international environmental law. Moreover the existence of the superiority power in economy, military, technology and science would lead for hegemony. This hegemony most likely would build up more cooperation among states and subsequently influence in the negotiations of creating MEAs, which include the Montreal Protocol. Therefore, the primary purpose of this study is to explain the influence of power approach in the international environmental law on regards of the Montreal Protocol's negotiations and the relations of the interstates participation response focusing on Malaysia's experinces. Meanwhile, this study uses a qualitative approach, which is based on interviews among Malaysian representatives in the negotiation processes of the Montreal Protocol. Finally, the results potentially provide with better understanding of the influence of power approach in the international environmental law.*

*Keywords: Power approach, negotiation process, Montreal Protocol, international environmental law*

## PENGENALAN

Malaysia dilihat sebagai negara yang begitu aktif dalam jalinan hubungan kerjasama antarabangsa. (Jabatan Alam Sekitar 1999, Department of Environment 1999). Bagi Malaysia sebagai salah sebuah negara membangun dilihat juga tidak ketinggalan terlibat sama dalam proses rundingan penerimaan dan akhirnya melaksanakan undang-undang alam sekitar antarabangsa di peringkat nasional. Malaysia begitu komited dalam usaha kerjasama antarabangsa dalam hal kemampanan alam sekitar (Jabatan Alam Sekitar 1999).

Malaysia juga telah terlibat dalam proses rundingan penerimaan dan pelaksanaan di peringkat nasional sekurang-kurangnya 20 undang-undang alam sekitar antarabangsa yang mana Kementerian Sains, Teknologi & Alam Sekitar telah dilantik sebagai Tumpuan Pelaksanaan di Malaysia (Conservation and Environmental Management Division, MOSTE 2004). Malah di bawah *Montreal Protocol*, Malaysia telah diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa sebagai salah buah negara yang begitu komited dalam memulihara alam sekitar global terutama sekali berkaitan dengan pemuliharaan lapisan ozon global. Ini telah digambarkan apabila Malaysia melalui Jabatan Alam Sekitar telah memperolehi Anugerah UNEP *Ozone Awards* pada tahun 1997. Di samping itu juga, Malaysia telah dilantik sebanyak dua kali sebagai Naib Presiden dalam *Meeting of Parties (COP)* pada tahun 1991 dan 1994 (Jabatan Alam Sekitar 1994, Department of Environment 1999).

## PROTOKOL MONTREAL

Protokol Montreal digubal adalah bertujuan bagi melindungi lapisan ozon dengan mengambil langkah berhati-hati untuk mengawal pelepasan global bahan-bahan yang menipiskan lapisan ozon (Conservation and Environmental Management Division, MOSTE 2004). Kewujudan dan kepentingan ozon iaitu O<sub>3</sub> di stratosfera serta ancaman *chlorofluorocarbon (CFC)* terhadap ozon di stratosfera telah mendapat perhatian yang begitu serius daripada pihak saintis pada awal 1970an (Seaver 1997, Breitmeier 2000, Breitmeier et al. 2006). Malah pihak saintis telah bertungkus-lumus untuk mendapatkan perhatian dan kerjasama antarabangsa mengenai kepentingan ozon di stratosfera serta ancaman *chlorofluorocarbon (CFC)* terhadap ozon di stratosfera. Akhirnya pada lewat 1980an perkara ini telah menjadi suatu isu global dan mendapat perhatian dan kerjasama antarabangsa (Breitmeier 2000, Breitmeier et al. 2006). Susulan daripada itu, Protokol Montreal telah terbentuk (Morriselte 1991, Seaver 1997, Bjorn 2007).

## PEMBANGUNAN MAPAN

Menurut Sands (2003), konsep pembangunan mapan merupakan suatu strategi masa kini untuk menangani masalah untuk mencapai kesepakatan kerjasama antarabangsa melalui proses rundingan semasa pembentukan dan penerimaan sesuatu MEAs. Konsep pembangunan mapan dan proses rundingan pembentukan serta penerimaan MEAs dilihat mempunyai kesan serta kepentingan yang hampir sama iaitu untuk kesejahteraan masyarakat seluruh dunia. Oleh yang demikian, proses rundingan semasa pembentukan serta penerimaan MEAs merupakan sebahagian daripada hasrat pembangunan mapan yang perlu dicapai. Pelengkap kepada kehendak pembangunan mapan adalah terbentuknya Deklarasi Rio agar digunakan oleh semua pihak termasuklah perunding-perunding yang terlibat dalam proses rundingan semasa pembentukan serta penerimaan MEAs. Justeru, semua MEAs termasuklah Protokol Montreal dapat meletakkan keutamaan agenda adalah pembangunan mapan yang selaras kehendak Deklarasi Rio.

Manakala bagi *World Commission on Environment and Development (WCED)* (1987) pula, pembangunan mapan merupakan pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini tanpa mengabaikan pula peluang generasi akan datang. Bersandarkan kepada penemuan kajian

dan perbincangan sebelum ini, keseimbangan faktor-faktor yang mempengaruhi proses rundingan dengan berasaskan kepada empat pendekatan yang tersebut di atas dan kepercayaan terhadap perkongsian dunia yang koheren telah menunjukkan kekuatan dalam menangani masalah alam sekitar global bagi mencapai hasrat ke arah matlamat pembangunan mapan.

Secara dasarnya konsep pembangunan mapan telah menjadi elemen dalam kerangka undang-undang antarabangsa seawal tahun 1893. Berdasarkan kepada kes *United States of America v Great Britain* [1893] 1 Moore's Int. Arb. Awards 755, yang dikenali sebagai *Pacific Fur Seals Arbitration*, di mana dalam kes ini Amerika Syarikat yang telah menghujahkan dengan tegas bahawa undang-undang antarabangsa perlulah menitikberatkan terhadap hak untuk melindungi hidupan liar bagi memastikan habitat manusia dan alam sekitarnya terpelihara daripada kemusnahan. Sands (1995) telah menyatakan bahawa konsep pembangunan mapan kini telah ditonjolkan dalam Sidang Kemuncak Rio dengan terbentuknya Deklarasi Rio 1992. Deklarasi Rio merupakan suatu deklarasi antarabangsa mengenai alam sekitar dan pembangunan hasil daripada Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diadakan di Rio de Janeiro, Brazil pada 3 hingga 14 Jun 1992. Bersandarkan kepada persetujuan masyarakat antarabangsa, Deklarasi Rio mewujudkan sekutu dunia yang baru dan saksama melalui jalinan kerjasama di lapisan yang baru antara negara, sektor utama sosial dan manusia. Malah melalui Deklarasi Rio ini, masyarakat antarabangsa bersetuju menghormati kepentingan semua dan melindungi keikhlasan sistem alam sekitar dan pembangunan sedunia.

#### PENDEKATAN KUASA DALAM PROSES RUNDINGAN ANTARABANGSA

Konsep asas mengenai kuasa ialah mengenai keupayaan seseorang untuk mempengaruhi pihak yang lain bagi mengikuti kehendak dirinya. Terdapat tiga cara utama untuk melaksanakan tujuan di atas iaitu:- pertama dengan membuat ancaman kekerasan, kedua melalui membuat pembayaran upah dan akhir sekali yang ketiga ialah dengan menarik perhatian pihak lain atau bekerjasama dengan pihak berkenaan dengan tujuan kehendak yang diutarakan bakal tercapai (Nye 1990, 2002). Sekiranya cara yang ketiga berjaya, maka ianya pasti menjimatkan kos jika dibandingkan cara pertama dan kedua (Nye 2002).

Apabila berbicara mengenai proses rundingan antarabangsa, kuasa adalah ciri utama dalam perbincangan berkenaan. Kelazimannya dalam proses rundingan antarabangsa ini, kuasa sering kali dikaitkan dengan kekuatan ekonomi dan ketenteraan (Holsti 1985). Ini dilihat sebagai kuasa sepertimana dinyatakan oleh Nye (1990, 2002). Realis dan neorealis berpendapat bahawa pendekatan kuasa ini dalam proses rundingan antarabangsa merupakan faktor yang penting, memandangkan realis dan neorealis menolak kewujudan peluang untuk mengadakan kerjasama antarabangsa dalam sistem anarki antarabangsa yang berasaskan bantu sendiri. Ini adalah kerana struktur politik antarabangsa itu sendiri telah menghadkan kerjasama antarabangsa dalam proses rundingan antarabangsa. Malah struktur politik antarabangsa dewasa ini telah terdedah kepada kekangan yang tidak dapat mewujudkan suasana kerjasama antarabangsa dalam proses rundingan antarabangsa (Mearsheimer 1990).

Namun begitu, pendekatan kuasa ini mampu digunakan bagi mewujudkan kerjasama antarabangsa dalam proses rundingan antarabangsa (Hasenclever et al. 1997). Malah Hasenclever et al. (1997) berpendapat bahawa kewujudan kuasa yang dominan samada dalam bidang teknologi, ketenteraan mahupun ekonomi, kuasa yang dominan ini mampu membentuk suatu hegemon yang akan mempengaruhi dan mengetuai kerjasama antarabangsa di antara negara-negara dalam pembentukan institusi antarabangsa termasuklah proses rundingan penerimaan undang-undang alam sekitar antarabangsa. Kehadiran hegemon ini dilihat dapat membawa negara-negara lain untuk turut menyertai dalam kerjasama antarabangsa berhubung proses rundingan penerimaan undang-undang alam sekitar antarabangsa (Breitmeier 2000). Menurut Keohane (1984, 1993) Snidal (1985, 1991), Kindleberger (1975, 1991), Gilpin (1981) Kohout (2003) dan Yoon (2003) keadaan menggunakan kekuasaan ini dikenali sebagai pendekatan kestabilan hegemonik.

Bagi Kindleberger (1975, 1991), Gilpin (1981) dan Yoon (2003) pendekatan ini berkaitan rapat dengan status kewujudan institusi antarabangsa dan status kewujudan hegemon. Apabila kuasa menjadi dominan maka kejayaan institusi antarabangsa pasti menyinar manakala keadaan sebaliknya maka institusi antarabangsa akan berubah menjadi suram. Dalam Snidal (1985, 1991), Kindleberger (1975), Gilpin (1981) dan Nye (1990, 2002) menyatakan bahawa pendekatan ini telah membahagikan kuasa ini kepada dua iaitu kuasa 'malevolent' dan 'benign'.

Kuasa '*malevolent*' ialah kuasa dimana negara yang berkuasa memaksa negara-negara lain untuk membentuk sesebuah institusi antarabangsa bagi faedah negara yang berkuasa tadi. Manakala kuasa '*benign*' pula ialah kuasa dimana negara yang berkuasa pula sanggup membayar apa jua perbelanjaan supaya dapat membentuk sesebuah institusi antarabangsa bagi faedah negara yang berkuasa tadi. Kindleberger (1975, 1991), Gilpin (1981) dan Yoon (2003) berpendapat bahawa pendekatan kestabilan hegemonik yang menggunakan kuasanya, mampu mempengaruhi negara-negara lain untuk turut serta dalam proses pembentukan dasar dan institusi antarabangsa termasuklah proses rundingan penerimaan undang-undang alam sekitar antarabangsa.

### TUJUAN KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk menjelaskan pengaruh pendekatan kuasa terhadap proses rundingan penerimaan Protokol Montreal dan kaitannya dengan respon penyertaan negara-negara anggota berdasarkan kepada pengalaman Malaysia. Bagi memenuhi tujuan yang dinyatakan di atas, dua perkara yang dikaji supaya ia akan lebih jelas dan terarah. Perkara-perkara tersebut adalah;

- a) Mengenalpasti dan menganalisis tema-tema yang berkaitan dengan pengaruh pendekatan kuasa dalam proses rundingan penerimaan Protokol Montreal berdasarkan pengalaman Malaysia;
- b) Menjelaskan pengaruh pendekatan kuasa dalam proses rundingan penerimaan Protokol Montreal berdasarkan pengalaman Malaysia.

### KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian ini melibatkan orientasi kualitatif. Justeru, untuk tujuan tersebut teknik mendapatkan data dan maklumat melibatkan kajian kes terhadap Protokol Montreal dengan menganalisis temubual dengan individu-individu yang terlibat secara langsung mewakili Malaysia dan ditugaskan oleh Malaysia untuk bertanggungjawab ke atas proses rundingan penerimaan Montreal Protocol.

#### **Pengumpulan Data Temubual**

Kesemua temubual yang dijalankan bermula dengan temujanji. Temujanji ini penting bagi menetapkan tempat, tarikh dan masa untuk dilaksanakan bagi kesemua sesi temubual. Selepas temujanji dibuat, penyelidik telah pergi ke setiap tempat pada tarikh dan masa yang telah dipersetujui oleh setiap responden kajian. Semasa setiap sesi temubual, penyelidik memastikan membawa bersama-sama pita rakaman, sel bateri yang berfungsi, alat tulis, buku nota dan panduan soalan temubual individu.

Pada permulaan bagi setiap sesi pertemuan temujanji, penyelidik memulakan suatu sesi beramah mesra untuk tujuan mewujudkan hubungan yang baik agar kesemua responden kajian ini merasakan keselesaan, tidak terasa begitu formal dan menerima kehadiran penyelidik sepertimana yang telah ditekankan oleh Richards (2005) dan Maxwell (2005). Sebelum setiap sesi temubual bermula, terlebih dahulu penyelidik memohon kebenaran daripada setiap

responden kajian untuk merakam perbualan disepanjang sesi temubual berkenaan. Malah penyelidik telah menegaskan bahawa hasil temubual ini adalah untuk tujuan kajian akademik semata-mata. Disamping itu juga, penyelidik memberikan penerangan mengenai garis panduan temubual yang merangkumi penerangan mengenai tujuan, tempoh masa dan perkara yang dibincangkan disepanjang sesi temubual berkenaan.

Semasa temubual berlangsung, penyelidik telah menunjukkan minat kepada setiap apa yang diperkatakan oleh responden kajian. Malah, penyelidik juga telah membawa dirinya ke dalam keadaan sifat yang berkecuali disepanjang sesi temubual. Disepanjang sesi temubual berkenaan, penyelidik telah menggunakan soalan terbuka. Soalan terbuka ini penting bagi menggalakkan responden kajian untuk berbincang. Apabila responden kajian telah terbuka dalam perbincangan beliau, penyelidik telah menyelitkan soalan-soalan yang berbentuk *probing questions* iaitu soalan yang menjurus kepada pertanyaan lebih lanjut ke arah penerokaan. Soalan yang berbentuk sebegini penting bagi membantu penyelidik untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut terhadap sesuatu perkara. Bersandarkan kepada Seidman (1991) dan Baxter & Brumfitt (2008), '*probing questions*' ini meliputi soalan khusus terhadap sesuatu perkara, kemudian meminta responden kajian menjelaskan lebih lanjut dengan memberikan contoh-contoh yang berkenaan. Penyelidik juga memastikan perbincangan setiap responden kajian di dalam lingkungan permasalahan kajian ini.


Setiap kali apabila selesai sahaja sesuatu sesi temubual, penyelidik pada kadar secepat mungkin terus mendengar semula rakaman temubual berkenaan. Sejurus itu, melalui rakaman berkenaan, penyelidik membuat transkripsi bagi rakaman temubual yang telah dirakamkan dengan menggunakan *transcriber*. Apabila transkripsi telah ditulis dengan sempurna, satu salinan transkripsi telah diserahkan kepada responden kajian yang berkenaan untuk semakan dan pengesahan. Pada peringkat ini, responden telah diberikan kebenaran untuk membuat sebarang pindaan terhadap transkripsi temubual beliau. Teknik ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan mendapat mengenai sesuatu perkara itu. Tambahan lagi, penyelidik memastikan setiap temubual itu tidak melebihi dua jam bagi mengelakkan responden kajian keletihan minda, bosan dan hilang tumpuan. Disamping itu juga, kesemua rakaman berkenaan telah disimpan di dalam *folder* khas digital yang diberi nama 'Rakaman temubual mengenai respon Malaysia dalam Montreal Protocol' dengan menggunakan perisian '*Digital Voice Editor*' versi 3 mengikut responden kajian.

### **Analisis Data Temubual Individu**

Dalam menganalisis data temubual, beberapa proses telah terlibat sepertimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Proses analisis data temubual merangkumi data verbatim yang dijadikan sebagai transkripsi, menjalankan saringan data dimana responden kajian membuat pindaan terhadap transkripsi, membentuk tema dan akhirnya pemaparan hasil. Analisis data temubual ini dibuat mengikut tatacara yang tersebut di bawah sepertimana disarankan oleh Richards (2005) dan Moss et al. (2006):-

- (i) penyelidik membuat transkripsi daripada data rakaman temubual dengan menggunakan *transcriber*
- (ii) menjalankan saringan data, dimana responden kajian membuat pindaan terhadap transkripsi berkenaan selaras dengan tujuan dan permasalahan kajian
- (iii) membentuk tema dan diikuti dengan sub-tema dengan merujuk kepada data temubual berkenaan. Penyelidik membaca kesemua transkripsi temubual berkenaan berulang-ulang kali bagi mengenalpasti tema yang bersesuaian
- (iv) paparan hasil tema dan sub-tema berkenaan ke dalam rajah model. Rajah model ini menunjukkan urutan susunan idea-idea yang tercetus daripada kesemua transkripsi temubual berkenaan dengan menganalisis menggunakan perisian Nvivo versi 2.

- (v) melalui perisian komputer yang tersebut di atas, penyelidik boleh menyemak bagi menentukan samada kebolehpercayaan pada tahap rendah atau sebaliknya. Sekiranya kebolehpercayaan pada tahap yang rendah maka tatacara pengekodan perlu disemak ataupun penggunaan perisian komputer perlu diperbetulkan
- (vi) ulangi semula langkah sehingga para pengekodan mencapai kebolehpercayaan
- (vii) apabila kebolehpercayaan pengekodan sampai kepada tahap yang tinggi, maka tatacara mengkod boleh diaplikasikan ke atas keseluruhan data temubual yang berkenaan.



Rajah 1. Carta aliran proses analisis data temubual

### Profil Responden Kajian

Responden kajian yang ditemubual terdiri daripada empat orang individu yang terlibat secara langsung dalam proses rundingan sebelum Malaysia menganggotai dan menerima pakai Protokol Montreal (tiga lelaki dan seorang perempuan). Dua orang daripada mereka merupakan pesara pegawai kanan Jabatan Alam Sekitar Malaysia sementara dua yang lain adalah pegawai Jabatan Alam Sekitar Malaysia yang masih lagi dalam perkhidmatan. Kesemua mereka berumur 50 hingga 65 tahun. Tiga daripada mereka adalah berbangsa Melayu sementara seorang lagi adalah berbangsa Cina. Bagi mematuhi etika kajian dan kerahsiaan serta melindungi indentiti responden kajian (Cohen 1960), pengkaji menamakan mereka dengan Responden Kajian 1 (RK1), Responden Kajian 2 (RK2), Responden Kajian 3 (RK3) dan Responden Kajian 4 (RK4).

## HASIL KAJIAN

Dapatan kajian berhubung dengan analisis temubual mengenai pendekatan kuasa telah mendapati sejumlah 3 tema utama dan 8 sub tema. Tema utama mengenai pendekatan kuasa ialah negara, industri dan individu. Manakala sub tema pula merangkumi dominasi sains dan penyelidikan; dominasi diplomatik; dominasi perdagangan dan kewangan; pengaruh; keupayaan; pemimpin struktural; pemimpin keusahawanan dan pemimpin intelektual. Kesemua tema dan sub tema bagi pendekatan kuasa adalah seperti dalam Jadual 1 dan Rajah 2 dibawah. Pendekatan kuasa merujuk kepada pendekatan kestabilan hegemonik iaitu secara tradisinya sesebuah negara yang berpengaruh dari segi kekuasaan ketenteraan, ekonomi dan teknologi mampu mempengaruhi proses rundingan. Disamping itu juga, dalam menggunakan pendekatan ini, bukan sekadar mengenalpasti negara yang berkuasa tetapi juga mengenalpasti pihak-pihak lain yang dianggap berkuasa semasa proses rundingan untuk mempengaruhi sesuatu pembentukan dan penerimaan Protokol Montreal.

Jadual 1. Tema dan sub tema pendekatan kuasa dalam analisis temubual

Tema	Sub Tema
Negara	Dominasi sains dan penyelidikan, dominasi diplomatik, dominasi perdagangan dan kewangan
Industri	Pengaruh, keupayaan
Individu	Pemimpin struktural, pemimpin keusahawanan, pemimpin intelektual

### Negara

Apabila membicarakan mengenai pengaruh sesebuah negara terhadap proses rundingan penerimaan Protokol Montreal ianya jelas bahawa Amerika Syarikatlah yang memainkan peranan yang penting. Sehingga RK 2 berpendapat bahawa Amerika Syarikat tanpa segan silu semasa proses rundingan berkenaan telah menunjukkan kekuatan pengaruhnya tanpa menghiraukan negara-negara lain.


*The thing that really surprised me the most during the negotiation that it was bulldoze by USA. You know. I used the word "bulldoze" because there was hardly any negotiation and not much of discussions. USA just simply forcing the matters. [Para 73, RK 2]*

Kekuatan pengaruh Amerika Syarikat semasa proses rundingan telah sememangnya diperlihatkan dan telah dipaparkan sepanjang proses rundingan penerimaan Protokol Montreal. Bagi RK 2, Amerika Syarikat telah lama merancang untuk menunjukkan kekuatannya dari aspek dominasi dalam bidang sains dan penyelidikan berhubung penipisan lapisan ozon. Rancangan ini adalah untuk mendapat perhatian masyarakat dunia upaya masyarakat dunia boleh menerimapakai idea mereka.

*USA bring along their scientists in all of the meetings/ negotiations which organised by UNEP. You know, it was seeping through the system. What USA has done, so, they went through series of meetings/ negotiations with a systematic approach with scientific evidences and an organize strategies, which USA subsequently sold her ideas. [Para 246, RK 2]*

Amerika Syarikat bukan hanya sekadar menghantar pakar sains dan teknologi semasa proses rundingan berkenaan, malah, Amerika Syarikat telah menghantar sejumlah besar delegasi mereka yang terdiri daripada pakar hubungan luar negara, perdagangan, sains dan perundangan. Menurut RK 2, sebelum proses rundingan berkenaan bermula Amerika telah menggunakan kekuatan diplomatiknya untuk melobi ahli-ahli *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD) mengenai hal ini. Tujuan Amerika Syarikat adalah

untuk mendapat sokongan daripada ahli-ahli OECD nanti semasa berjalannya proses rundingan penerimaan Protokol Montreal.



Rajah 2. Model tema dan sub tema bagi pendekatan kuasa dalam proses rundingan penerimaan Protokol Montreal (analisis temubual)

*You know, USA having interest on it. USA pushed OECD first, through her diplomatic strength with a big group of people which consists of her foreign affairs, trade experts, scientists and legal people in order to get support from European, Korean, Australian, New Zealand and Canada, those rich countries and of course later USA plus European, you know, they pushed under UNEP as international forum in order to get global support on the issue of global ozone. [Para 237, RK 2]*

Agenda Amerika Syarikat sebenarnya adalah bersandarkan kepada perdagangan. Jelas sekali mereka adalah merupakan salah satu negara penguasa yang mendominasi kepada perdagangan *chlorofluorocarbon* (CFC). RK 2 melihat agenda Amerika Syarikat ini tidak adil kepada negara-negara membangun seperti Malaysia kerana merekalah yang mendominasi perdagangan CFC ini.

*For instance, the consuming countries, largely the developing countries of CFCs, right. Their annual per capita consumption of CFCs was 0.3kg. Meanwhile, the producing countries, largely the developed countries such as USA said that they were willing and be prepared to reduce up to 50% of the amount that their CFCs usage, right, but they were not use the same unit. If you were to translate what was the meaning of that 50%, so that means, after they cut*



*that 50%, they were still continued to enjoy the usage of CFCs 1 kg per capita per year which three times higher than developing countries. That's why I called "double standard". [Para 75, RK 2]*

Tidak dinafikan bahawa kedudukan kekuatan sains, diplomatik dan perdagangan Amerika Syarikat adalah penting dalam keputusan menarik penyertaan negara sedunia termasuklah negara membangun iaitu sejumlah 191 negara, tetapi bukanlah bersandarkan semata-mata kepada kekuatan kuasa Amerika Syarikat sahaja. Malah, tanggapan berkenaan mengenai Protokol Montreal semasa proses rundingan adalah semata-matanya hasil usaha Amerika Syarikat sahaja adalah suatu tanggapan yang kurang tepat. Memandangkan Amerika Syarikat adalah sebuah negara kuasa besar, bukanlah hegemon yang ada pada Amerika Syarikat itu menarik minat penyertaan negara sedunia termasuklah negara membangun dalam menjayakan proses rundingan penerimaan Protokol Montreal. Dalam analisis temubual ini, hasil kajian mendapati bahawa terdapat pihak lain yang cuba mengimbangi kekuasaan Amerika Syarikat. Pihak yang berkenaan adalah Komuniti Eropah dan Jepun. RK 2 memaklumkan bahawa Komuniti Eropah dan Jepun belum lagi bersedia untuk menerima beberapa cadangan Amerika Syarikat semasa proses rundingan penerimaan Protokol Montreal.

*Basically the only country that pushing hard on Montreal Protocol was USA. But then, Japan and Europe were not ready with Montreal Protocol. Until the last minute, what I have learnt. [Para 109, RK 2]*

Menurut RK 2, memandangkan pengaruh kekuatan perdagangan CFC bukan hanya terletak pada Amerika Syarikat sahaja, maka Amerika Syarikat telah memujuk kuasa besar perdagangan CFC yang lain iaitu Eropah dan Jepun.

*In addition that I have heard that Du Pont managed to enter into joint-venture with Mitsui (Chemicals) of Japan and Altochem of France. When these two companies agreed to produced and joint-venture with Du Pont than only Japan and Europe agreed with the Montreal Protocol. [Para 110 RK 2]*

Malah pihak Komuniti Eropah cuba mengimbangi kekuatan saintifik yang didominasi oleh Amerika Syarikat dengan mengemukakan cadangan semasa proses rundingan tersebut supaya Amerika Syarikat membuat kajian lanjutan. Bagi RK 1 dan RK 4, ini menunjukkan bahawa dominasi kekuasaan dan kekuatan Amerika Syarikat masih lagi gagal mendapat kata sepakat daripada ahli kumpulan mesyuarat semasa proses rundingan berkenaan.

*Banyak terdapat kejadian semasa rundingan, apabila ahli sains USA membentangkan penemuan saintifik, pihak saintis Eropah pula meminta untuk further studies... we are not happy with USA scientific results... Certain areas of the scientific studies are not cover. Definitely, dalam semua negotiation tiada kesepakatan di antara komuniti saintifik. [Para 206, RK 1]*

*...kelazimannya EU meminta sesuatu maklumat saintifik yang dikemukakan oleh USA dikaji semula dan perlu ada nilai tambah kepada hasil kajian yang dibentang itu... [Para 118, RK 4]*

Hasil kajian analisis temubual mendapati bahawa pihak yang menunjukkan kekuasaannya dan kelantangannya bukan sahaja tertumpu pada sesebuah negara tetapi ianya juga merangkumi pihak industri dan seseorang individu pemimpin seperti seorang saintis atau pengubal dasar yang mempengaruhi dalam menjayakan proses rundingan penerimaan Protokol Montreal.

## **Industri**

Pihak industri juga dilihat cuba mempengaruhi semasa proses rundingan Protokol Montreal. Pihak industri adalah kumpulan yang mendesak kerajaan agar Protokol Montreal berkenaan bersesuaian dengan acuan industri negara berkenaan. Pihak industri digambarkan oleh RK 4 begitu berpengaruh ke atas kerajaan negaranya dalam respon terhadap proses rundingan Protokol Montreal.

*Maka berlakulah desakan yang kuat semasa rundingan awal Protokol Montreal oleh negara maju seperti USA dan EU. Malah belakng negara-negara maju adalah pihak industri mereka. You tahu tak bahawa mesyuarat rundingan adalah open-ended bukannya close-ended. Ini bererti kehadiran delegasi sesebuah negara bukan hanya terdiri wakil kerajaan negara tersebut tetapi disertai juga oleh wakil-wakil industri negara berkenaan yang cuba mempengaruhi rundingan berkenaan. [Para 57, RK 4]*

Malah bagi RK 4, industri juga dengan kekuatan pengaruhnya yang ada terhadap kerajaan negaranya, telah bersetuju untuk menjayakan hasrat kerajaan berkenaan dalam penerimaan Protokol Montreal bagi menjamin pasaran antarabangsa memihak kepada mereka.

*Semasa mesyuarat rundingan adalah dihadiri dan diwakili oleh wakil-wakil kerajaan masing-masing, walau bagaimanapun pihak bukan kerajaan seperti industri dibenarkan hadir dan buat intervention serta memberikan pendapat sepanjang mesyuarat rundingan berkenaan. Oleh yang demikian, desakan terhadap Montreal Protokol disebalik tabir adalah pihak industri negara maju seperti ICI dan Du pont. Maka, jelas disini bahawa desakan terhadap penerimaan Protokol Montreal adalah datang daripada pihak manufacturer negara maju sendiri untuk tujuan market terhadap bahan-bahan yang telah didevelopkan years earlier. [Para 62, RK 4]*

Disamping itu juga, pihak kerajaan telah dibayangi oleh keupayaan dan kemampuan pihak industri untuk bertindak. Bayangan ini telah mencorak proses rundingan dalam Protokol Montreal. RK 2 telah memberikan penjelasan seperti di bawah.

*USA has not done anything in order to control on CFCs and Halon all these years since 1974 until 1983/1984. In spite of a number of scientific evidences projected by a number of scientists such as Rowland & Molina since 1974. USA just kept silence in controlling of ODS until Du Pont came out with alternatives for CFCs, sometimes in 1983/ 1984. [Para 193, RK 2 ]*

## **Individu**

Akhir sekali, pihak yang dikatakan mempengaruhi perkembangan Protokol Montreal iaitu seseorang individu pemimpin seperti seorang saintis atau pengubal dasar. Dalam konteks rundingan antarabangsa, pemimpin adalah seorang yang mempengaruhi dalam menentukan hasil proses rundingan berkenaan. Kepimpinan boleh dilihat dalam beberapa bentuk, pertama, pemimpin struktural iaitu ketua negara yang menggunakan kedudukannya dalam sesuatu rundingan antarabangsa, kedua, pemimpin keusahawanan menggunakan kemahiran dan kecekapan rundingan dalam rundingan berkenaan dan ketiga, pemimpin intelektual yang menggunakan kuasa ideanya mempengaruhi rundingan berkenaan.

Dalam hasil kajian analisis temubal ini, didapati bahawa terdapat beberapa orang individu yang mewakili negaranya atau sesebuah institusi berperanan mempengaruhi perkembangan Protokol Montreal sepertimana dinyatakan oleh RK 2.

*The Ambassador Dr. Richard Benedick of USA said that in spite of what I was saying; Malaysia still implemented the Montreal Protocol followed his proposal. Meaning that no*

*matter what I've said in the meeting/negotiation, the country still proceeds to ratify the Montreal Protocol. [Para 91, RK 2]*

Menurut RK 4, terdapat individu yang merupakan ketua kerajaan seperti Perdana Menteri Malaysia Keempat cuba menarik perhatian dalam terhadap proses rundingan Protokol Montreal dengan menyatakan dalam ucapan suatu Persidangan Alam Sekitar dengan menyatakan wujud “double standard” dalam Protokol Montreal.

*Dr. Mahathir was normally, not easy to get him to deliver a speech. You can check his record as Prime Minister, how many times did he deliver speech at the environmental conferences? The only one that I recalled, this is the one because I drafted his speech. I think he had edited 50% what I've said/ wrote but he still maintained the main message of the speech, which concerned about the “double standard” to our industry. [Para 92, RK 2]*

Disamping itu juga, RK 3 berpendapat bahawa terdapat individu yang merupakan diplomat dan juga perunding dalam Protokol Montreal cuba mempengaruhi dalam proses rundingan berkenaan.

*Dr. M.K. Tolba was the driving force of it. He wanted this thing come to reality during his term as Executive Director of UNEP. Therefore, he actively promoting for the adoption of the Montreal Protocol. He tried to influence the developing countries by giving support towards our demand and request as long we become member of the Montreal Protocol. [Para 90, RK 3]*

Manakala, RK 3 juga mendapati bahawa terdapat individu yang merupakan saintis dan juga seorang penyelidik mewakili sesebuah negara cuba mempengaruhi negara sedunia supaya bekerjasama untuk menjayakan proses rundingan Protokol Montreal. Individu berkenaan menggunakan keupayaan intelektual untuk mempengaruhi rundingan berkenaan.

*There were a few main players. These main players were also the scientists such as Ms. Eileen Claussen and Dr. Robert Watson of USA, outlined some of the issues related to strengthening the Montreal Protocol. [Para 110, RK 3]*

Bersandarkan kepada hasil kajian analisis temubual ini telah menunjukkan bahawa Amerika Syarikat telah menonjolkan kekuasaan sebagai sebuah negara yang berpengaruh dan dominan dalam aspek sains, diplomatik dan perdagangan. Walau bagaimanapun, pengaruh dan dominasi kekuasaan Amerika Syarikat, masih lagi gagal mendapatkan kata sepakat daripada ahli kumpulan mesyuarat semasa proses rundingan penerimaan Protokol Montreal. Ini membuktikan bahawa Amerika Syarikat mungkin sebuah negara kuasa besar tetapi bukan satu-satunya kuasa besar atau hegemon.

Walaupun kejayaan dalam proses rundingan penerimaan Protokol Montreal di peringkat antarabangsa adalah kelihatan seperti cenderung kepada cadangan Amerika Syarikat, tetapi pada hakikat sebenarnya kejayaan proses rundingan berkenaan hanya berputik selepas dipersetujui oleh beberapa negara anggota lain seperti Komuniti Eropah dan Jepun. Malah Komuniti Eropah dilihat sebagai salah satu kuasa besar yang lain, cuba mengimbangi kuasa Amerika Syarikat dengan memberikan cadangan balas kepada Amerika Syarikat dalam hal berkaitan isu penipisan lapisan ozon.

Kejayaan proses rundingan ini adalah juga berkaitan dengan pertimbangan yang telah dibuat oleh individu-individu seperti Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dr. M. K. Tolba yang memberikan penekanan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan faedah dan masalah yang bakal dihadapi sekiranya Protokol Montreal diterimapai.

Justeru, kejayaan proses rundingan penerimaan Protokol Montreal ini bukan hanya semata-mata disebabkan oleh pengaruh kuasa besar seperti Amerika Syarikat. Jelas di sini, faktor

kekuasaan yang berasaskan kepada kestabilan hegemonik mempunyai pengaruh yang amat sedikit dalam proses rundingan ini.

### KESIMPULAN

Bersandarkan kepada hasil kajian analisis data temubual yang tersebut di atas, telah begitu jelas menunjukkan bahawa terdapat beberapa perkaitan dalam kajian kes Protokol Montreal ini di antara kehendak negara berkuasa iaitu Amerika Syarikat dan penerimaan Protokol Montreal sebagai undang-undang alam sekitar antarabangsa oleh masyarakat antarabangsa ke arah pembangunan mampan. Tidak dinafikan bahawa Protokol Montreal ini adalah dicadangkan oleh Amerika Syarikat dan masyarakat antarabangsa memandang serius mengenai hal ini. Sekiranya Protokol Montreal ini dicadangkan oleh negara yang kurang pengaruh kuasanya, maka sudah pasti pula Amerika Syarikat yang akan menentanginya, maka penglibatan negara membangun mungkin tidak kesampaian. Walau bagaimanapun terdapat beberapa faktor yang menolak kelancaran dalam proses rundingan penerimaan Protokol Montreal semata-mata bersandarkan kepada faktor kekuasaan sesebuah negara. Faktor pertama, Amerika Syarikat mungkin sebuah negara kuasa besar tetapi bukan satu-satunya kuasa besar atau hegemon. Penerimaan Protokol Montreal di peringkat antarabangsa adalah dengan kehendak Amerika Syarikat, walau bagaimanapun proses rundingan penerimaan Protokol Montreal ini hanya selepas dipersetujui oleh negara anggota lain seperti Komuniti Eropah dan Jepun. Faktor kedua pula ialah selepas pertimbangan mengenai faedah dan masalah yang dihadapi dalam proses rundingan penerimaan Protokol Montreal ini sebagai undang-undang alam sekitar antarabangsa dalam usaha ke arah pembangunan mampan. Justeru, penerimaan oleh masyarakat antarabangsa terhadap Protokol Montreal ini bukan hanya sekadar merujuk kepada kehendak Amerika Syarikat sahaja. Maka, jelas di sini, faktor kekuasaan yang tertumpu kepada Amerika Syarikat dilihat dalam kajian kes ini, telah disimpulkan bahawa kekuasaan Amerika Syarikat telah diimbangi oleh negara lain seperti Komuniti Eropah, Jepun dan faktor lain.

### PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dijalankan dengan bantuan kewangan daripada dana projek penyelidikan UKM-GGPM-PLW-037-2010.

### RUJUKAN

- Baxter, S.K. & Brumfitt. 2008. Benefits and losses: A qualitative study exploring healthcare staff perceptions of teamworking. *Quality and Safety in Health Care* 17: 127-130.
- Bjorn, L.O. 2007. Stratospheric ozone, ultraviolet radiation and cryptogams. *Biological Conservation* 135: 326-333.
- Breitmeier, H. 2000. International organizations and the creation of environmental regimes. Rights, rules, resources in world affairs. Dlm. Young, O.R. (pnyt.). *Global governance: Drawing insights from environmental experince*. Hlm. 87-114. Cambridge, MA: MIT Press.
- Breitmeier, H., Young, O.R. & Zurn, M. 2006. *Analyzing international environmental regimes: From case study to database*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Cohen, J. 1960. A coefficient of agreement for nominal scales. *Educational and Psychological Measurement* 20 (1): 37- 46.
- Conservation and Environmental Management Division, MOSTE. 2004. *Multilateral Environmental Agreements with MOSTE as National Focal Point*. Putrajaya: Ministry of Science, Technology and Environment.
- Department of Environment. 1999. Malaysia's success story in the implementing of the Montreal Protocol on substances that deplete the ozone layer. Kuala Lumpur: Department of Environment.
- Gilpin, R. 1981. *War and change in international politics*. New York: Cambridge University Press.
- Harris, P.G. 2002. *International environmental cooperation*. Colorado: University of Colorado Press.

- Hasenclever, A., Mayer, P. & Rittberger, V. 1997. *Theories of international regimes*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Holsti, K. 1985. *The dividing discipline: Hegemony and diversity in international theory*. Boston: Unwin Hyman.
- Jabatan Alam Sekitar. 1994. *Keprihatinan menangani Protokol Montreal 1985-1994*. Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam sekitar..
- Jabatan Alam Sekitar. 1999. *20 tahun kecemerlangan pengurusan alam sekitar di Malaysia (1975-1995)*. Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Malaysia.
- Kindleberger, C. 1975. *World in depression*. Berkeley, LA: University of California Press.
- Kindleberger, C. 1991. *A financial history of Western Europe*. New York: Oxford University Press.
- Keohane, R. 1984. *After hegemony: Cooperation and discord in the world political economy*. Princeton: Princeton University Press.
- Keohane, R. 1993. Institutional theory and the realist change after the cold war. Baldwin, D.A. (ed.). *Neorealism and neoliberalism: The contemporary debate*: 269-300. New York: Colombia University Press.
- Kohout, F. 2003. Cyclical, hegemonic, and pluralistic theories of international relations: some comparative reflections on war causation. *International Political Science Review* 24(1): 51-66.
- Maxwell, J.A. 2005. *Qualitative research design: An interactive approach*. London: SAGE Publications.
- Mearsheimer, J. 1990. The false promise of international institutions. *International Security* 15: 5-56.
- Morriselte, P.M. 1991. The Montreal Protocol: Lessons for formulating policies for Global Warming. *Policies Studies Journal* 19(2): 152-161.
- Moss, K., Boon, H., Ballantyne, P. & Kachan, N. 2006. New Canadian natural health product regulations: A qualitative study of how CAM practitioners perceive they will be impacted. *BMC Complementary and Alternative Medicine* 6(18):1-8.
- Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod & Abdul Ghafur Hamid. 2007. The WTO rules versus Multilateral Environmental Agreements (MEAs): The search for reconciliation. Asian WTO Research Network Regional Conference on Trade, WTO and Sustainable Development: A Cause For Concern? Anjuran bersama: UIAM, ERA Consumer Malaysia, FOMCA & UNDP di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur, 23-24 April.
- Nye, J.S. 1990. *Bound to lead: The changing nature of American powers*. New York: Basic Books.
- Nye, J.S. 2002. *Understanding international conflicts: An introduction to the theory and history*. New York: Longman.
- Richards, L. 2005. *Handling qualitative data: A practical guide*. London: Sage Publications Ltd.
- Sands, P. 1995. *Principles of international environmental law I: Frameworks, standards and implementation*. Manchester: Manchester University Press.
- Sands, P. 2003. *Principles of international environmental law*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Seaver, B. 1997. Stratospheric ozone protection: IR Theory and the Protokol Montreal on substances that deplete the ozone layer. *Environmental Politics* 6(3): 31-67.
- Seidman, I.E. 1991. *Interviewing as qualitative research: A guide for researcher in education and sosial sciences*. New York: Teachers College Press.
- Snidal, D. 1985. The limits of hegemonic stability theory. *International Organizations* 39(4): 579 – 614.
- Snidal, D. 1991. Relative gains and the pattern of international cooperation. *American Political Science Review* 85(3): 701-726.
- World Commission on Environment and Development (WCED). 1987. *Our common future*. Oxford: Oxford University Press.
- Yoon, Y.K. 2003. Power cycle theory and the practice of international relations. *International Political Science Review* 24(1): 5-12.

- <sup>1</sup> *Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI)*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*43600 UKM, Bangi, Selangor DE., MALAYSIA.*  
E-mail: [mrizal@ukm.my](mailto:mrizal@ukm.my) & [asamad@ukm.my](mailto:asamad@ukm.my)
- <sup>2</sup> *Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*43600 UKM, Bangi, Selangor DE., MALAYSIA.*  
E-mail: [jamalmj1949@gmail.com](mailto:jamalmj1949@gmail.com)
- <sup>3</sup> *Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran (PPSPP)*  
*Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*43600 UKM, Bangi, Selangor DE., MALAYSIA.*  
E-mail: [aharmans@ukm.my](mailto:aharmans@ukm.my)